

KEMPEN UMRAH BERSAMA HLISB [\(English Version\)](#)

Dikemaskini: 15 Januari 2023

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Umrah Bersama HLISB” (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB” atau “Bank”) bermula pada **17 Januari 2024** dan berakhir pada **30 Jun 2024**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“T&S”) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun utama yang baharu dan sedia ada (“**Pelanggan Layak**”) HLISB Pay & Save Account-i (“**Akaun Sertaa**n”) yang telah mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang (“**MCF**”). Individu bukan warganegara Malaysia adalah tertakluk pada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis Dasar Pertukaran Asing termasuk takrif Pemastautin. Pelanggan Layak mestilah mendaftar untuk HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
2. Pemegang akaun bersama dan empunya tunggal tidak dibenarkan menyertai Kempen ini.
3. Mana-mana pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.

KAEDAH KEMPEN

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan MESTILAH memenuhi Kriteria Kelayakan No. 1 dan Kriteria Kelayakan No. 2 seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Kempen.

Jadual 1

No.	Kriteria Kelayakan	Bil. Penyertaan Kempen
1	Mengekalkan Baki Purata Bulanan* (“ MAB ”) minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dalam Akaun Sertaa selama 3 bulan berturut-turut sepanjang Tempoh Kempen	1
2	Menukar amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) setara kepada Saudi Riyal (SAR) menggunakan ciri deposit mata wang asing Akaun Sertaa menerusi HLB Connect dalam satu transaksi tunggal	1

* Pengiraan MAB adalah berdasarkan baki dalam Akaun Sertaa pada satu bulan kalendar penuh

5. Pelanggan akan memperoleh satu penyertaan kempen tambahan bagi setiap deposit dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dalam satu transaksi tunggal ke dalam Akaun Sertaa dan

mengekalkan amaun itu selama satu (1) bulan kalendar penuh. Contoh kelayakan bagi penyertaan Kempen dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah ini.

Jadual 2

No	Contoh	Bil. penyertaan	Keterangan
1	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Akaun Sertaan pada 2 Jan & mengekalkan MAB RM3,000 hingga 1 Mei • Tiada penukaran SAR 	Tiada	Tidak memenuhi Kriteria Kelayakan No. 2
2	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM3,500 selama 2 bulan kalendar penuh • Menukar RM1,000 setara kepada SAR 	Tiada	Tidak memenuhi Kriteria Kelayakan No. 1
3	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM3,000 selama 4 bulan kalendar penuh • Menukar RM500 setara kepada SAR. 	2 penyertaan	Memenuhi kedua-dua Kriteria Kelayakan
4	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM5,000 selama 3 bulan kalendar penuh • Menukar RM500 setara kepada SAR. • Kemudiannya menukar amaun dalam SAR itu kepada USD. 	2 penyertaan	Memenuhi kedua-dua Kriteria Kelayakan. Pelanggan tidak perlu mengekalkan SAR yang ditukarkan itu.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM3,000 selama 3 bulan penuh • Menukar RM500 setara kepada SAR dalam dua transaksi berasingan. 	Tiada	Tidak memenuhi Kriteria Kelayakan No. 2, oleh kerana penukaran SAR minimum RM500 perlu dilakukan dalam satu transaksi tunggal
6	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM3,000 selama 3 bulan penuh • Menukar RM500 setara kepada SAR. • Mendeposit RM2,000 dalam satu transaksi tunggal & mengekalkannya selama 1 bulan kalendar penuh. 	4 penyertaan	Memenuhi kedua-dua Kriteria Kelayakan. Peroleh 2 penyertaan tambahan kerana mendepositkan RM2,000 & mengekalkannya selama 1 bulan kalendar penuh.
7	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan MAB RM4,000 selama 3 bulan penuh • Menukar RM800 setara kepada SAR. • Mendeposit RM1,500 (mengkalkannya selama 2 bulan) & RM2,500 (mengkalkannya selama 30 hari & tidak memenuhi 1 bulan kalendar penuh) 	3 penyertaan	Memenuhi kedua-dua Kriteria Kelayakan. Hanya deposit sebanyak RM1,500 sahaja berhak memperoleh satu penyertaan oleh sebab mengekalkannya sekurang-kurangnya 1 bulan kalendar penuh.

PEMENANG HADIAH DAN PEMENUHAN SYARAT KEMPEN

6. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria seperti tersebut dalam Klausa 4 akan berpeluang memenangi Hadiah seperti yang tertera dalam Jadual 3 di bawah ini:

Jadual 3

Hadiah	Bil. Pemenang
Hadiah Utama Pakej Umrah untuk dua (2) orang bernilai tidak lebih RM8,000 dan wang tunai sebanyak RM1,000 ditukar kepada SAR dan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan	2
Hadiah Sagu Hati Baucar perjalanan bernilai RM2,000	5

7. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
- Pada penghujung tempoh kempen, setiap penyertaan akan diberi satu nombor rawak dan diletakkan dalam himpunan pemilihan Hadiah.
 - Dua ratus (200) nombor akan dipilih secara rawak daripada himpunan pemilihan Hadiah ("**Pelanggan Tersenarai**").
 - Pelanggan Tersenarai akan dihubungi HLISB melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan diberi soalan berkaitan Bank dan/atau Kempen. Pelanggan Tersenarai akan dikehendaki menjawab SMS itu dengan betul dalam masa terpantas.
 - Tujuh Pelanggan Tersenarai pertama yang menjawab dengan betul (dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam SMS) akan berhak menerima Hadiah ("**Pemenang**"). Pelanggan Tersenarai hendaklah menanggung caj telekomunikasi standard yang dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar kepada HLISB.
 - Seandainya berlaku kedudukan seri, iaitu apabila terdapat lebih daripada seorang (1) Pelanggan Tersenarai yang menjawab dengan betul pada masa yang sama dan sepatutnya menjadi Pemenang jika tidak kerana kedudukan seri itu, maka Pelanggan Tersenarai yang mempunyai jumlah baki MAB tertinggi yang direkodkan dalam sistem HLISB pada setiap akhir bulan akan menjadi Pemenang.
 - Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Tersenarai adalah berpandukan nombor telefon bimbit terkini seperti yang terdapat dalam sistem dan/atau rekod HLISB. Khidmat SMS disediakan oleh vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLISB.
 - Pelanggan yang telah memenangi apa-apa hadiah sama ada dalam **Kempen Menang Percutian Impian Ke Itali Dan Memperoleh Faedah Bonus/Keuntungan Apabila Anda Menyimpan Dalam Mata Wang Asing** atau **Kempen Menangi Pengalaman K-Dream Ke Seoul Dan Ganjaran Tunai RM50 Apabila Anda Mohon dan Simpan** tidak berhak memenangi sebarang hadiah dalam Kempen ini.
8. Pelanggan yang layak menerima mana-mana Hadiah yang tersebut di atas akan diberitahu oleh Bank dalam masa sembilan puluh (90) hari perniagaan selepas 30 Jun 2024 sama ada secara bertulis, melalui panggilan telefon, SMS atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank ("**Notifikasi Pemenang**") atas dasar usaha terbaik berpandukan alamat atau nombor telefon bimbit terkini yang diberi oleh Pelanggan Layak seperti yang terdapat dalam rekod HLISB.
9. Pemenang bertanggungjawab untuk memberi butiran hubungan dan alamat emel yang terkini dan sah kepada HLISB semasa Tempoh Kempen. HLISB tidak akan bertanggungjawab dan mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan Pemenang dan memberi Hadiah kepada Pelanggan Tersenarai terpantas yang berikutnya yang berjaya menjawab dengan betul, seandainya HLISB tidak dapat menghubungi Pemenang atas apa jua sebab sekalipun. Pemenang yang tidak dapat dihubungi itu tidak mempunyai apa jua tuntutan sekalipun terhadap HLISB atas pembatalan dan pelupusan Hadiah itu.
10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk membenarkan maklumat peribadi dirinya termasuk nama dan empat (4) digit terakhir kad pengenalan atau pasport untuk digunakan bagi tujuan

Kempen termasuk menyiarkan senarai Pemenang dalam laman web Bank atau laman web Kempen.

11. Akaun Sertaan Pemenang **MESTILAH** kekal sah/aktif dan berkedudukan baik sehingga 90 hari selepas Tempoh Kempen. Pemenang hendaklah tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Akaun Sertaan (secara kolektif disebut "**Terma & Syarat Yang Dikenakan**"). Jika tidak, kelayakan Pemenang akan terlucut secara automatik.
12. Pemenang hendaklah berhubung secara terus dengan pihak **Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd (198301011879 (107273-P))** selaku pembekal bertauliah melalui nombor telefon **03-92831588/03-92854530** dan emel kepada umrah@andalusia2u.com tentang segala hal berkaitan dengan maklumat Hadiah, pemenuhan Hadiah, pembayaran, penghantaran, tuntutan dan waranti. HLISB tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak bertanggungjawab mengganti sebarang item yang hilang, dicuri atau rosak. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan pihak pembekal jika ada apa-apa aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan item tanpa bantuan HLISB, atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri.
13. Kecuali ada diperuntukkan secara khusus dalam T&S ini, Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam mendapatkan segala dokumen perjalanan yang diperlukan, permit, visa (jika berkenaan) dan melaksanakan segala urusan perlu untuk membolehkan Pemenang dan rakan pengiring Pemenang pergi ke Arab Saudi ("**Urusan**"). Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat untuk mendapatkan atau melaksanakan segala Urusan hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
14. HLISB tidak akan membuat sebarang penggantian atau pertukaran Hadiah jika Pemenang dan rakan pengiringnya gagal menyelesaikan Urusan.
15. Sekiranya HLISB mengadakan majlis penyampaian Hadiah, maka para Pemenang yang terpilih akan dikehendaki hadir atas kos dan perbelanjaan sendiri untuk mengambil Hadiah. Jika Pemenang tidak dapat hadir di majlis penyampaian hadiah, maka Pemenang boleh menamakan seorang wakil untuk hadir di majlis penyampaian hadiah untuk menerima Hadiah bagi pihak dirinya. Wakil tersebut dikehendaki menyerahkan kebenaran bertulis daripada Pemenang serta salinan fotostat Kad Pengenalan Pemenang (depan belakang).
16. HLISB berhak menukar atau mengganti Hadiah dengan trip yang sama nilainya pada bila-bila masa, jika Hadiah yang dinyatakan itu tidak boleh didapati disebabkan hal-hal di luar jangkaan setelah memberi notis bertulis terlebih dahulu.
17. Visual Hadiah yang ditunjukkan dalam Laman Web HLISB atau sebarang bahan promosi rasmi bagi Kempen ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.
18. Risiko menebus Hadiah adalah tanggungan Pemenang. Segala kos dan perbelanjaan berkaitan penebusan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang, termasuk dan tidak terhad kepada insurans perjalanan, visa, pengangkutan bas pergi balik, cukai pelabuhan, cukai perkhidmatan, surcay, fi levi perlepasan, caj bagasi lebihan, tipping, dan lain-lain.
19. Pemenang hendaklah memikul tanggungan dan kewajipan sepenuhnya seandainya berlaku liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Kempen, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan HLISB daripada sebarang liabiliti.
20. Segala kos pengangkutan, penginapan, persendirian dan/atau apa-apa kos lain, fi dan/atau perbelanjaan berkaitan yang terlibat dalam penyertaan Kempen dan/atau penebusan Hadiah adalah menjadi tanggungan Pemenang sepenuhnya.
21. HLISB berhak menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang sebagai bahan bagi tujuan publisiti, tanpa terlebih dahulu memberi notis kepada Pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut hak milik atau

apa-apa bentuk pampasan bagi bahan-bahan tersebut.

22. Hadiah tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik. Orang yang mengikuti perjalanan itu mestilah Pemenang Kempen. Sekiranya Pemenang berkenaan memilih untuk tidak menerima Hadiah tersebut setelah diberitahu oleh HLISB apabila dikehendaki berbuat demikian akan dianggap sebagai penolakan oleh Pemenang tersebut dan sebarang penggantian atau pertukaran Hadiah tidak akan dilayan. HLISB berhak memberi Hadiah tersebut kepada Pemenang yang lain. Apa-apa permohonan pembatalan dan/atau pemulangan setelah penempahan Hadiah dibuat adalah sama sekali tidak dibenarkan.

UMUM

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak:
- mengesahkan bahawa telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Yang Dikenakan;
 - bersetuju bahawa keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad serta mengikat ke atas semua Pelanggan Layak;
 - memberi keizinan dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau alamat emel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), iaitu penyedia khidmat yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan khidmat SMS dan/atau emel untuk tujuan Kempen ini;
 - bersetuju untuk mengakses laman www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
 - bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
 - bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai yang dikenakan oleh kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
24. HLISB berhak:
- setelah memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang dipaparkan di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen, dengan cara menyiarkan penambahan, pengguguran, penggantungan atau pemindaan T&S atau penamatan Kempen ini dalam Laman Web HLISB;
 - melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang:
 - sebelum ini ada melakukan, atau semasa ini disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan sebarang kemudahan yang diberi oleh HLISB;
 - sedang menghadapi prosiding kemuffisan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Yang Dikenakan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - melupuskan dan menarik balik mana-mana Hadiah yang dibayar dan memulangkannya balik kepada peruntukan Hadiah sekiranya dapat dikesan berlakunya penipuan dan tidak patuh kepada mana-mana T&S Kempen ini.
25. Selain T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Yang Dikenakan hendaklah dibaca bersama-sama T&S ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S di sini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang ditetapkan di sini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank hendaklah diutamakan.
27. T&S Kempen ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

SILA AMBIL PERHATIAN:

Pengendalian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk Akaun Boleh MCF adalah tertakluk pada Pelaburan Aset MataWang Asing di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pay & Save Account-i adalah akaun deposit berlandaskan kontrak Syariah iaitu Tawarruq.

Ahli PIDM. Pay & Save Account-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Untuk maklumat lanjut tentang Notis Dasar Pertukaran Asing, sila lawati <https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/help-support/general-faq/foreign-exchange-policy-notices.html>

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan mengenai T&S ini, sila utuskan emel kepada kami melalui hlonline@hbb.hongleong.com.my.